ARAHAN PENTADBIRAN UNTUK DIHEBAHKAN DALAM LAMAN PORTAL RASMI JPK

PERINGATAN KEPADA PUSAT BERTAULIAH BERKAITAN KEPERLUAN MENGEMUKAKAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN PROGRAM SEKURANG-KURANGNYA TIGA (3) BULAN DAN TIDAK MELEBIHI ENAM (6) BULAN SEBELUM TAMAT TEMPOH PENTAULIAHAN

Ruj : JPK/702/1/10 JLD 14 (38)
Tarikh : 28 Januari 2019

Adalah dimaklumkan bahawa pusat bertauliah hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan pentauliahan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dan tidak melebihi enam (6) bulan sebelum tamat tempoh pentauliahan sesuatu program bertauliah.

Perkara ini adalah selaras dengan ketetapan yang telah dinyatakan di dalam subseksyen 27(1) Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) yang menyatakan seperti berikut :

> *"Permohonan untuk pembaharuan pentauliahan hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah sekurang-kurangnya tiga bulan, tetapi tidak lebih daripada enam bulan, sebelum tarikh tamat pentauliahannya dan apa-apa permohonan itu hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen, maklumat dan fi sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Menteri."*

Justeru, kegagalan pusat bertauliah mengemukakan permohonan pentauliahan dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan permohonan pembaharuan pentauliahan tidak boleh dikemukakan dan akan menjejaskan pelaksanaan latihan dan persijilan pelatih.
Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Pekerja Berkemahiran Peneraju Kecemerlangan Negara"

Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia